

SURAT BALASAN TENTANG KEBAIKAN KARNIVAL BUAH-BUAHAN TEMPATAN

Standard Pembelajaran

3.3.1 Menulis dan melengkapkan maklumat dalam pelbagai bahan mengikut situasi dan keperluan.

Maklumat di bawah menunjukkan langkah-langkah menggalakkan masyarakat makan buah-buahan tempatan. Anda telah mengunjungi Karnival Buah-buahan Tempatan. Oleh itu, rakan anda meminta anda untuk menjelaskan faedah-faedah yang diperolehi daripada kunjungan ke karnival tersebut.

Balas surat rakan anda itu.

Panjangnya surat anda hendaklah antara 150 hingga 200 patah perkataan.

KARNIVAL BUAH-BUAHAN TEMPATAN



Karnival BUAH-BUAHAN TEMPATAN

Tarikh : 25 Julai hingga 27 Julai 2022 (Jumaat hingga Ahad)
Masa : 10.00 pagi hingga 10.00 malam
Tempat : Dataran Seremban
Anjuran : Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA)

Objektif Penganjuran:

- (a) Memperkenalkan buah-buahan tempatan sebagai produk pelancongan.
- (b) Membantu petani meluaskan pasaran dan menjanakan pendapatan.
- (c) Menggalakkan masyarakat makan buah-buahan tempatan.

Tinggi khasiat . Harga murah . Segar



SEREMBAN : Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) menganjurkan kempen makan buah-buahan tempatan bagi meningkatkan sistem imuniti badan untuk melawan penyakit dan mengelakkan jangkitan. Timbalan Ketua Pengarah FAMA (Pengurusan & Korporat), Basri Jasmo berkata, menerusi kempen itu, orang ramai dinasihatkan mengambil sekurang-kurangnya dua sajian buah-buahan tempatan setiap hari. Basri berkata, kempen itu juga bertujuan meningkatkan permintaan sekali gus membantu pengusaha menambah pengeluaran buah-buahan tempatan di pasaran.

Dipetik dan diubah suai daripada
'FAMA anjur kempen makan buah-buahan tempatan tingkat imuniti badan'
oleh Mohd Amin Jalil,
Berita Harian Online, 10 April 2020

Analisis Soalan [IsTuDiF]

1. Isu : _____
2. Tugas : _____
3. Dimensi : _____
4. Format : _____

Fokus Bahan

1. Bahan 1 : _____
2. Bahan 2 : _____

Penulisan Surat Kiriman Tidak Rasmi

Lengkapkan surat kiriman tidak rasmi di bawah dengan menggunakan idea yang terdapat dalam bahan yang diberikan.

<div style="border: 1px solid black; padding: 5px; display: inline-block;">(a) Alamat pengirim</div>	<hr/> <hr/> <hr/> <hr/> <hr/> <hr/> <hr/> <hr/>
<div style="border: 1px solid black; padding: 5px; display: inline-block;">(b) Tarikh</div>	<hr/> <hr/>
<p>Kehadapan sahabatku, _____ yang berada di _____ semoga sihat sejahtera di samping keluarga tercinta.</p>	
Saudara,	<div style="border: 1px solid black; padding: 5px; display: inline-block;">(c) Kata sapaan</div>
<p>Apa khabar sekarang? Saya di sini sentiasa sihat. Seperti yang saudara ketahui, pada _____, saya sekeluarga telah pergi ke _____. Karnival yang dianjurkan oleh _____ itu diadakan di _____ dari pukul _____ hingga _____. Tujuan saya menulis surat ini adalah untuk _____.</p>	
<p>Kunjungan ke karnival tersebut membolehkan _____. Hal ini dikatakan demikian kerana _____.</p>	
<p>Contohnya, _____</p>	
<p>Kesannya, _____</p>	
<p>Saudara,</p>	
<p>Selain itu, _____ Hal ini disebabkan oleh _____</p>	
<p>Misalnya, _____</p>	
<p>Impaknya, _____</p>	
<p>Saya rasa, cukuplah untuk warkah kali ini. Saya berharap, masyarakat perlulah _____</p>	
<p>Dengan cara ini, _____</p>	
<p>Tambahan pula, kerajaan hendaklah _____</p>	
Sekian, terima kasih.	<div style="border: 1px solid black; padding: 5px; display: inline-block;">(d) Ucapan terima kasih</div>
	<div style="border: 1px solid black; padding: 5px; display: inline-block;">(e) Pengakuan pengirim</div>
	<div style="border: 1px solid black; padding: 5px; display: inline-block;">(f) Tandatangan</div>
	<p>Yang ikhlas,</p> <hr/>

Analisis Soalan [IsTuDiF]

1. Isu : buah-buahan tempatan
2. Tugas : faedah-faedah yang diperoleh daripada kunjungan ke karnival tersebut
3. Dimensi : pengunjung / pelawat
4. Format : surat kiriman tidak rasmi

Fokus Bahan

1. Bahan 1 : poster Karnival Buah-buahan Tempatan
2. Bahan 2 : berita kempen buah-buahan tempatan

Contoh Jawapan Lengkap

No. 45-A, Taman Keramat AU1,
Jalan AU 1B/1,
Taman Keramat AU1,
54200 Kuala Lumpur,
W.P. Kuala Lumpur.

14 Ogos 2022

Kehadapan sahabatku, **Mohammad Johan Sah** yang berada di **Johor** semoga sihat sejahtera di samping keluarga tercinta.

Saudara,

Apa khabar sekarang? Saya di sini sentiasa sihat. Seperti yang saudara ketahui, pada **27 Julai 2022**, saya sekeluarga telah pergi ke **Karnival Buah-buahan Tempatan**. Karnival yang dianjurkan oleh **Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA)** itu diadakan di **Dataran Seremban** dari pukul **10.00 pagi** hingga **10.00 malam**. Tujuan saya menulis surat ini adalah untuk **menerangkan faedah-faedah yang diperoleh daripada kunjungan ke karnival tersebut**.

Kunjungan ke karnival tersebut membolehkan pengunjung membeli buah-buahan tempatan yang **tinggi khasiat**. Hal ini dikatakan demikian kerana **buah-buahan tempatan kaya dengan sumber vitamin dan serat**. Contohnya, **kajian pakar pemakanan mendapati bahawa jambu batu paling tinggi vitamin C** manakala **nanas baik untuk penghadaman**. Kesannya, **seseorang dapat melawan penyakit kerana mencegah lebih baik daripada mengubati**.

Saudara,

Selain itu, pengunjung dapat membeli buah-buahan tempatan dengan **harga yang murah**. Hal ini disebabkan oleh **tidak penglibatan orang tengah dalam urus niaga**. Misalnya, **buah duku langsung dijual RM10 untuk tiga kilogram** manakala di gerai luar **RM10 untuk dua kilogram**. Impaknya, **pengunjung dapat menjimatkan perbelanjaan**.

Saya rasa, cukuplah untuk warkah kali ini. Saya berharap, **masyarakat perlulah makan buah-buahan tempatan setiap hari dalam setiap hidangan**. Dengan cara ini, **masyarakat dapat meningkatkan sistem imuniti tubuh badan**. Tambahan pula, **kerajaan hendaklah mempergiat kempen makan buah-buahan tempatan supaya menjanakan pendapatan petani**.

Sekian, terima kasih.

Yang ikhlas,
Roslan

[202 patah perkataan]

Warna merah - idea daripada bahan

Warna biru - idea sendiri